

KAEDAH PELAPORAN AEFI


Anda boleh melaporkan AEFI melalui 2 cara:

1



Maklumkan anggota kesihatan di fasiliti kesihatan anda untuk membuat laporan AEFI bagi pihak anda.

2



Lapor AEFI atas talian di laman sesawang rasmi NPRA

- 1 Kunjungi www.npra.gov.my
- 2 Klik pada Report ADR as Consumers > [ConSERF Online Reporting]

Anda digalakkan untuk berbincang dengan anggota kesihatan berkenaan AEFI yang dialami sebelum membuat laporan.

Adakah semua AEFI yang dilaporkan disebabkan oleh vaksin?

Tidak. NPRA menerima semua laporan AEFI. Sesetengah kesan advers yang dilaporkan tidak disebabkan oleh vaksin tetapi berlaku secara kebetulan dan tiada hubungkait dengan pemberian vaksin. Hanya kerana ia berlaku selepas pemberian vaksin, tidak bermakna ia disebabkan oleh vaksin.



Pesanan semasa melaporkan AEFI:

- Sila berikan seberapa banyak maklumat yang boleh untuk memastikan laporan anda adalah lengkap.
- Pastikan nombor telefon atau e-mel anda ditulis pada laporan. Ini akan membantu pihak NPRA sekiranya maklumat lanjut diperlukan
- Maklumat anda akan dirahsiakan dan tidak akan diberikan kepada sesiapa di luar NPRA tanpa kebenaran anda.

